

Jawab semua soalan. Tiap – tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada ruang jawapan yang disediakan.

- 1 Wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka yang diperoleh melalui peperangan adalah seperti berikut KECUALI
- A Kelantan
 - B Pahang
 - C Siantan
 - D Inderagiri
- 2 Berdasarkan Fasal 5 dalam Undang-Undang Laut Melaka apakah hukuman yang dikenakan kepada seseorang yang membunuh orang di atas kapal?
- A Dihukum bunuh
 - B Dibuang negeri
 - C Dipenjarakan
 - D Dibuang negara

- 3
- | | | |
|--------------------|------------------|-------------------|
| Revolusi Keagungan | Revolusi Amerika | Revolusi Perancis |
|--------------------|------------------|-------------------|
- Idea nasionalisme Barat di atas mencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara yang
- A menentang pemerintahan beraja
 - B menekankan hak rakyat
 - C menentang penjajahan kuasa asing
 - D menegakkan kedaulatan parlimen

- 4 Apakah kesan daripada tindak balas yang keras terhadap perjuangan rakyat tempatan?
- A Para pejuang dihukum
 - B Perjuangan ditamatkan
 - C Semua pejuang diampunkan
 - D Perjuangan bersifat sederhana

- 5 Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman melancarkan serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.
- Mengapakah Rusia menjadi sasaran Jerman?
- A Memusnahkan sumber minyak Rusia
 - B Menghapuskan fahaman komunisme
 - C Mencapai cita-cita menguasai Eropah
 - D Meneroka jalan perdagangan ke China

- Gerakan anti-Jepun yang semakin meningkat mendorong pentadbiran tentera Jepun menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu untuk menentang MPAJA.
- 6** Apakah kesan daripada tindakan di atas?
- A** Mewujudkan perpaduan rakyat
 - B** Melemahkan kuasa pembesar Melayu
 - C** Menimbulkan ketegangan kaum
 - D** Meningkatkan kerjasama antara kaum
- 7** Rancangan Malayan Union yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan dikenali sebagai Kertas Putih 6274.
- Apakah yang terkandung dalam Kertas Putih tersebut?
- I** Pemulihan ekonomi Tanah Melayu
 - II** Rancangan meluaskan penjajahan semula
 - III** Pentadbiran berpusat ditubuhkan di bawah kerajaan British
 - IV** British akan mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 8** Pihak Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British di Sarawak.
- Mengapa perkara ini berlaku?
- A** Untuk menguasai kekayaan ekonomi
 - B** Bagi memerintah Sarawak dengan lebih adil
 - C** Bagi menghapuskan ancaman komunis
 - D** Bagi mengawal keamanan Sarawak
- 9** Pentadbiran X telah ditubuhkan di Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union 1946.
- Apakah Pentadbiran X?
- A** British Military Administration
 - B** Persekutuan Tanah Melayu
 - C** Pentadbiran Tentera British
 - D** Malayan Democratic Union
- 10** Berikutan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948, apakah status negeri-negeri Melayu yang menganggotainya?

- A Negeri jajahan
- B Negeri naungan
- C Negeri berdaulat
- D Negeri bersekutu

11 Maklumat di bawah adalah antara beberapa tindakan pengganas komunis di negara kita.

Merosakkan pokok getah	Merosakkan rumah asap	Membunuh pekerja
------------------------	-----------------------	------------------

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- A Menentang Malayan Union
- B Menolak penyatuan negara
- C Menentang pentadbiran Jepun
- D Melumpuhkan ekonomi negara

12 Bagaimanakah Rancangan Briggs dilaksanakan di Tanah Melayu?

- I Membuka penempatan baharu
- II Menubuhkan jawatankuasa kampung
- III Mengadakan latihan ketenteraan
- IV Memajukan sektor pertanian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah ciri-ciri utama Sistem Ahli yang diperkenalkan pada tahun 1951?

- I Anggotanya dikenali sebagai “Menteri”
- II Ahli dicadangkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- III Ahli dilantik oleh Majlis Raja-raja
- IV Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Senarai di bawah menunjukkan sistem sekolah yang wujud sebelum merdeka

Sekolah Melayu	Sekolah Agama
----------------	---------------

Sekolah Cina	Sekolah Tamil
--------------	---------------

Apakah kesan sistem pendidikan tersebut kepada negara?

- A Peluang pekerjaan meningkat
- B Masalah kekurangan guru
- C Perpaduan kaum sukar dicapai
- D Masalah buta huruf berkurangan

15 Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi sekiranya seseorang itu ingin bertanding sebagai Pilihan Raya?

- A Berumur 18 tahun ke atas
- B Warganegara asing
- C Berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris
- D Bersekolah di Sekolah Inggeris

16 Gambar di bawah berkaitan dengan Pilihan Raya.



Apakah nilai yang dapat diteladani daripada tindakan rakyat tersebut?

- A Peka
- B Bersatu pada
- C Toleransi
- D Bertanggungjawab

17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk di Tanah Melayu sebagai persediaan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A Merangka perlembagaan merdeka
- B Melantik pegawai pentadbiran baru
- C Mencadangkan tarikh Pilihan Raya
- D Menganjurkan rundingan antara kaum

- 18** Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 terhadap negara?
- A** Asas Perlembagaan Malaysia 1963
 - B** Asas Pembentukan Malaysia 1963
 - C** Asas Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957
 - D** Asas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- 19** Manakah antara yang berikut merupakan dua lokasi yang menjadi tumpuan upacara sambutan kemerdekaan Tanah Melayu?
- I** Istana Negara
 - II** Stadium Merdeka
 - III** Padang Kelab Selangor
 - IV** Kelab Sultan Sulaiman
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 20** Keunikan kemerdekaan negara ialah tanpa pertumpahan darah. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A** Kerjasama antara rakyat
 - B** Rundingan menjadi pilihan utama
 - C** Penggabungan semua parti politik
 - D** Pendekatan yang tegas
- 21** Kedaulatan ialah supernuus atau superanus dalam bahasa Yunani. Apakah maksud perkataan tersebut?
- A** Semangat kekitaan
 - B** Negara merdeka
 - C** Keadilan mutlak
 - D** Pemerintahan beraja
- 22** Berikut merupakan lambang-lambang negara



Mengapakah lambang-lambang ini perlu dihormati oleh rakyat?

- A Menanam perasaan cinta akan negara
- B Membina sahsiah diri yang berdisiplin
- C Mempertahankan kemakmuran negara
- D Mengekalkan sistem demokrasi berparlimen

23 Jadual menunjukkan sejarah penggubalan Perlembagaan negeri Melayu di Tanah Melayu.

Negeri	Majlis
Negeri-negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Majlis Persekutuan
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	X

Apakah badan X yang menggubal perlembagaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

- A Majlis Kerja
- B Majlis Diraja
- C Majlis Tertinggi
- D Majlis Negeri

24 Berdasarkan pindaan Perlembagaan 1963, apakah manfaat yang diperoleh penduduk negeri Sarawak dan Sabah?

- A Penambahan kuasa autonomi
- B Pembahagian tugas-tugas eksekutif
- C Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- D Pemberian hak wilayah asing sempadan

25 Bagaimanakah kedatangan Islam mempengaruhi pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Raja berwibawa
- B Sultan berkuasa mutlak
- C Kesultanan menjadi kukuh
- D Sultan sebagai ketua agama Islam

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan demokrasi di negara kita.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
--

Apakah peranan SUHAKAM?

- A Menjamin keselamatan
- B Mengendalikan pilihan raya
- C Mempromosikan hak asasi rakyat
- D Memperjuangkan kebebasan bersuara

- 27 Mengapakah peruntukan kuasa yang lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?

- I menjamin kestabilan negara
- II memastikan kemajuan negara tercapai
- III mengukuhkan perpaduan
- IV membina konsep negara bangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 28 Senarai berikut berkaitan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan rakyat.

Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)	Rumah Selangorku (Selangor)
Rumah Mesra Rakyat	Rumah Mampu Milik Johor (Johor)

Mengapakah kerjasama tersebut dilakukan?

- A Mengatasi masalah setinggan di bandar
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
- C Membantu golongan pertengahan memiliki kediaman
- D Menyelesaikan masalah perumahan golongan miskin

- 29 Presiden Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia.

Mengapakah beliau bertindak demikian?

- A Menuntut wilayah Sabah
- B Menerima hasutan komunis
- C Mengancam ekonomi Filipina
- D Mengancam keselamatan Asia Tenggara

- 30 Dialog berikut mungkin berlaku ketika Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.

Pemimpin Malaysia 1: Kita mesti menghantar Dr Ismail Abdul Rahman ke Majlis Keselamatan PBB untuk membawa isu serangan Indonesia ini.

Pemimpin Malaysia 2: Ya. Itulah tindakan yang sepatutnya.
Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia dalam menangani hal tersebut?

- A Cara provokasi
- B Cara peperangan
- C Cara kekerasan
- D Cara diplomatik

31 Kerajaan menggunakan kaedah sama yang diguna pakai dalam Rancangan Briggs untuk dilaksanakan di Sarawak.

Apakah nama rancangan tersebut?

- A Operasi RASCOM
- B Operasi Hammer
- C Operasi Jala Raja
- D Operasi Harapan

32 Maklumat berikut berkaitan isu sosioekonomi semasa Rancangan Malaysia Pertama.

Peluang pekerjaan yang terhad	Kadar pengangguran meningkat
-------------------------------	------------------------------

Bagaimanakah kerajaan berusaha mengatasi masalah ini?

- A Membuka pusat industri
- B Memajukan sektor pertanian
- C Menubuhkan pusat latihan teknikal
- D Menghalang kemasukan buruh asing

33 Apakah penambahbaikan yang dilakukan dalam Kajian Aminuddin Baki dalam sistem pendidikan negara?

- I Memperkenalkan kursus kemahiran
- II Penekanan kepada subjek Sejarah
- III Bahasa Melayu bahasa pengantar
- IV Sistem persekolahan aneka jurusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III

D III dan IV

- 34** Bagaimanakah Rukun Negara membantu membina masyarakat yang liberal?
- A** Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia
 - B** Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya
 - C** Kebebasan berpolitik dengan mematuhi Perlembagaan Negara
 - D** Mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara
- 35** Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun iaitu dari tahun 1971 hingga tahun 1990.
Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru?
- I** Membasmi kemiskinan
 - II** Menyusun semula masyarakat
 - III** Menyeragamkan sistem kewangan
 - IV** Menyekat kemasukan imigran
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 36** Penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menggunakan konsep pertanian pintar.
Apakah kesan penggunaan konsep pertanian pintar?
- A** Peningkatan hasil pertanian
 - B** Penjimatan kos pertanian
 - C** Pencemaran udara berkurangan
 - D** Peluang pekerjaan bertambah
- 37** Apakah kesan Perang Dingin terhadap Malaysia?
- A** Kemelesetan ekonomi
 - B** Perjanjian pertahanan ditandatangani
 - C** Pelaburan asing meningkat
 - D** Perubahan dasar luar

- 38** Sukan Komanwel merupakan sukan yang kedua terbesar di dunia. Malaysia pernah menjadi tuan rumah sukan ini pada tahun 1998.
Apakah faedah yang diperolehi Malaysia dalam sukan tersebut?
- A** Meningkatkan imej negara
 - B** Meningkatkan industri pelancongan
 - C** Mengeratkan hubungan antara negara anggota
 - D** Mewujudkan semangat setia kawan
- 39** Pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama menunjukkan penglibatan Malaysia dalam OIC.
Apakah tugas utama beliau dalam OIC?
- A** Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan sewajarnya
 - B** Menjadi Pengerusi OIC yang pertama
 - C** Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia patuh ajaran Islam
 - D** Menjadi pengerusi Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau
- 40** Penglibatan rakyat Malaysia membantu rakyat Syria dapat dilihat melalui peranan NGO. Antara berikut, manakah pertubuhan yang terlibat dalam memberikan bantuan di Syria?
- I** Muslim Care Malaysia
 - II** Yayasan Restu
 - III** Global Peace Mission
 - IV** Organisasi Humanitarian Care Malaysia
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

-----KERTAS SOALAN TAMAT-----